

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH [SABAK BERNAM]**
TARIKH : 18 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 25

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kadar peratus kebolehpasaran (*employability*) graduan IPT dan IPTS negara ini dan nyatakan setakat manakah latihan industri dan latihan “*internship*” dapat membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan serta nyatakan setakat manakah industri mendapat manfaat dari kedua-dua program latihan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif demi melahirkan graduan yang kompeten dan boleh bersaing dalam dunia kerjaya yang semakin mencabar. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah menambahbaik dan mempelbagaikan penawaran program pengajian di institusi pendidikan tinggi (IPT) di Malaysia. Inovasi pendidikan yang dilaksanakan bagi menambah nilai graduan ialah memperkenalkan penawaran program secara kerjasama industri iaitu berkonsepkan *work-based learning*. Inisiatif ini juga lebih dikenali sebagai program 2u2i, 3u1i atau 2u1i. Konsep pelaksanaan program ini ialah pelajar akan mengikuti 2 tahun pengajian di institusi dan 1 tahun di industri atau mana-mana tempoh yang ditetapkan oleh institusi-industri. Kelebihan yang dapat diperoleh oleh

pelajar ialah pelajar dapat menjalani pengajian secara terus di industri dan penilaian di industri juga dibuat oleh penyelia industri yang terlatih.

KPM juga telah memperkenalkan Program *Apprenticeship* seperti Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti telah melaksanakannya dengan Syarikat Brahim Stas Sdn. Bhd. yang menawarkan pekerjaan kepada graduan dan memberikan latihan setelah masuk bekerja. Selain itu, program SIP plus (Structured Internship Program) berkonsepkan perantisan yang memaksimumkan penggunaan Latihan Industri Semester Akhir (LISA) yang diwajibkan kepada semua pelajar politeknik. Peserta program ini akan diserap bekerja setelah tamat latihan industri.

Pengenalan *Academia Talent Exchange Programme* (AI-xChange): *CEO @ Faculty Programme* yang memberi peluang kepada pelajar untuk memahami dunia sebenar melalui perkongsian pengalaman 72 orang CEO daripada segi pengurusan pentadbiran, kepimpinan dan teknologi di lapangan. Selain itu, integrasi dan sinergi antara tenaga pakar industri dengan penyelidik universiti dan pelajar dapat diwujudkan. Pihak IPT juga berjaya beralih daripada beroperasi secara bersendirian kepada *quadruple helix* iaitu ekosistem inovasi yang saling berkaitan antara akademia, industri, kerajaan dan komuniti yang telah membentuk perkongsian sumber untuk pembangunan negara.

Beberapa inisiatif jalinan kolaborasi antara akademia dan industri lain turut dilaksanakan seperti Engineering@UM-Industrial *Innovation Centre*, kerjasama Samsung Malaysia Universiti Teknikal Melaka, kerjasama Ericsson Malaysia dengan Universiti Teknologi Malaysia untuk rantau Asia Tenggara yang juga merupakan program pertama seumpamanya di Malaysia dan terletak di kampus UTM Kuala Lumpur dan CIMB Investment Bank dengan kerjasama UiTM Segamat Johor. Selain itu program Pusat Kecemerlangan Industri [*Industry Centre of Excellence* (ICoE)] iaitu *Microsoft Professional Program Data Science* dengan kerjasama *Microsoft* Malaysia yang melatih seramai 240 orang pelajar di dalam bidang pengetahuan sains data. Kurikulum yang ditawarkan di sepanjang latihan adalah bersifat *industry-leading curriculums* dan pelajar akan diberikan sijil profesional daripada pihak *Microsoft* yang diiktiraf oleh pihak industri.

NO. SOALAN : 25

Bagi menyokong aspirasi generasi *milenial* yang cenderung untuk bekerja sendiri, inisiatif *Gig Economy* diperkenalkan untuk membolehkan graduan bekerja sendiri berdasarkan kemahiran dan kepakaran yang dipelajari di IPT disamping memperkasakan Kerangka Penjana Pekerjaan (*Job Creator Framework*) yang membuka ruang kepada kerjaya sebagai usahawan.

Kerjasama strategik dengan industri dan agensi pembangunan keusahawanan seperti Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK), SME Corporation Malaysia (SME Corp. Malaysia), Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) dan CELCOM turut diperkukuhkan dalam memastikan pelajar yang mempunyai kecenderungan keusahawanan mendapat bimbingan sewajarnya untuk memula, membangunkan dan melengkapkan perniagaan mereka khususnya dalam bidang-bidang terkini selaras dengan keperluan industri 4.0 seperti *eCommerce, FinTech, logistik, big data, robotic engineering dan Internet of Things*.

Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) yang dijalankan oleh KPM merupakan satu kajian tahunan dengan tujuan untuk mendapatkan kadar kebolehpasaran graduan selepas tamat pengajian. Menurut kajian tersebut, kadar kebolehpasaran graduan tahun 2018 selepas setahun tamat pengajian adalah 82.2 peratus secara purata bagi semua IPT dan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) adalah 77.2 peratus. Kadar kebolehpasaran graduan politeknik dan kolej komuniti pula masing-masing adalah 96.1 peratus dan 96.6 peratus.

KPM sentiasa menumpukan usaha untuk mereka bentuk kurikulum pendidikan tinggi yang bersesuaian dengan keperluan semasa. Ini bagi melahirkan pelajar dan graduan yang boleh mampu menghadapi cabaran masa depan serta memenuhi keperluan negara dan industri.

Sekian, terima kasih.